

22 JUN 1998

Ismail - Calon

ISMAIL KASSIM CALON ANGGOTA PARLIMEN ARAU

KANGAR, 22 Jun (Bernama) -- Ketua Pergerakan Pemuda UMNO Bahagian Arau, Ismail Kassim dipilih calon Barisan Nasional (BN) bagi pilihan raya kecil kawasan Parlimen Arau pada 4 Julai ini.

Menteri Besar, Datuk Seri Shahidan Kassim mengumumkan nama calon berkenaan, yang juga adik bongsunya, di Dewan Residen, Jalan Kolam di sini petang ini.

Ismail, 38, yang berkelulusan Sarjana Muda Pendidikan dari Universiti Putra Malaysia (UPM) sebelum ini ialah pengurus kanan Skim Pusat Belian/Pentadbiran Syarikat Padiberas Nasional (BERNAS), wilayah Utara.

Sebelum menyertai BERNAS kira-kira dua tahun lalu, Ismail yang lebih mesra dengan panggilan "Chu" pernah bertugas sebagai guru selama sepuluh tahun.

Ismail menyertai UMNO sejak lebih 20 tahun lalu juga memegang jawatan Naib Ketua Pergerakan Pemuda UMNO Negeri Perlis dan Pengerusi Tetap UMNO cawangan Tambun Tulang.

Shahidan berkata, Ismail direstui oleh UMNO Bahagian Arau dan dipersetujui oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Ditanya sama ada pemilihan Ismail akan menghangatkan semula isu "nepotisme" yang mula reda selepas selesainya perhimpunan agung UMNO semalam, Menteri Besar berkata, perkara itu tidak berbangkit.

Shahidan berkata, beliau tidak terlibat dalam pemilihan Ismail sebagai calon pilihan raya kecil itu.

"Jangan kaitkan saya dengan pemilihan ini," katanya.

Mengenai pilihan raya kecil Parlimen Arau, Shahidan berkata, BN telah bersiap sedia untuk menghadapinya.

Sementara itu, semasa ditanya pemberita Ismail Kassim berazam untuk menggunakan pengalamannya dalam sektor korporat untuk meningkatkan pencapaian usahawan Bumiputera.

Beliau melepaskan jawatannya pengurus kanan skim pusat belian/pentadbiran Syarikat Padiberas Nasional Berhad (BERNAS) wilayah Utara hari ini, berikutan pemilihan itu.

"Saya berterima kasih kepada presiden parti, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan timbalanya, Datuk Seri Anwar Ibrahim yang memilih dan merestui pemilihan saya," katanya.

Pilihan raya kecil kawasan Parlimen Arau adalah berikutan kematian anggota Parlimen kawasan itu, Kamarudin Ahmad pada 25 Mei lalu, akibat serangan angin ahmar.

Penamaan calon bagi pilihan raya kecil itu akan diadakan Rabu ini di Kompleks Warisan, Jalan Kolam di sini.

-- BERNAMA

AD RI